



# Buletin ICT

<http://www.treasury.gov.my>

Disember 2004 Syawal/Zulkaedah 1425 Bil. 8 (3/2004)

Edisi ICT Perbendaharaan



## MENGAPA PC PERLU DISELENGGARA ?

Selalu kedengaran soalan daripada pengguna, 'Kenapa PC saya *slow* sangat?' dan 'Macam mana nak *speed up* PC saya?'. Ini menunjukkan PC tersebut memerlukan penyelenggaraan. Seperti mana sebuah kereta atau lain-lain mesin, PC juga perlu diselenggarakan untuk memastikan prestasi PC berada di dalam keadaan yang baik dan bagi memastikan jangka hayatnya lebih panjang.

### Faedah/kebaikan:

1. Memastikan jangka hayat PC lebih panjang. Dengan adanya penyelenggaraan yang teratur sekurang-kurangnya 3 kali setahun dapat memastikan kerosakan yang selalu terjadi dapat dielakkan.
2. Pengemaskinian *Windows* yang dilakukan secara berterusan dapat mengesan sebarang pencerobohan pc .
3. Serangan virus yang boleh menyebabkan kehilangan data serta kerosakan sistem PC itu sendiri dapat dikurangkan.
4. Kerosakan PC yang disebabkan oleh habuk dan kotoran dapat dielakkan sekiranya komponen-komponen PC selalu dibersihkan.
5. Capaian data boleh dilakukan secara lebih berkesan apabila *defrag* dilakukan secara berkala semasa penyelenggaraan

## PENJAGAAN TETIKUS



Terbalikkan tetikus anda. Anda akan dapati terdapat satu ruang yang menyimpan bebola. Ikuti arahan atau anak panah yang menunjukkan arah untuk membuka penutup bebola tersebut.



Letakkan belakang tetikus di atas tapak tangan anda dan angkat tetikus tersebut supaya bebola tetikus akan jatuh di atas lubang penutupnya dan tidak akan bergolek. Bersihkan bebola dan penutup tersebut.



Perhatikan lubang/ruang pada tetikus, anda akan dapati terdapat 3 roda. Kebiasaannya, di bahagian inilah yang selalunya terdapat banyak habuk dan kotoran.





Bersihkan bahagian dalaman tetikus terutamanya bahagian roda.



Akhir sekali, masukkan kembali bebola yang telah dibersihkan dan tutup dengan penutupnya mengikut arahan yang tertulis atau arah anak panah.

## PENJAGAAN HARD DISK

*Disk Defragmenter* merupakan proses penyusunan semula simpanan fail-fail yang tidak teratur di dalam *hard disk*. Kebiasaannya data-data yang disimpan menjadi tidak teratur kerana proses penulisan data pada *hard disk* itu sendiri dan proses menghapus data. Ini menyebabkan proses capaian sesuatu data menjadi lambat. Proses *defrag* ini sesuai dilakukan sebulan sekali ataupun 2-3 bulan sekali bagi membolehkan data dicapai dengan mudah dan efisien.




### 1. Cara-cara untuk disk defragment bagi Sistem Pengoperasian Windows 2000/XP

Klik **Start > Program > Accesories > System Tools > Disk Defragmenter**.

- a. Pilih *disk drive* yang hendak di *defrag* dan klik.
- b. Klik butang **[Analyze]**. Fungsi *Analyze* adalah sama seperti fungsi *scandisk* pada sistem pengoperasian windows 98/ME. Ia bertujuan untuk memeriksa *disk drive* daripada sebarang kerosakan.
- c. Apabila proses *Analyze* selesai, klik butang **[Defragment]** dan tunggu hingga proses selesai.

### 2. Cara-cara untuk disk defragment bagi Sistem Pengoperasian Windows 98/ME

- a. Pilih *disk drive* yang hendak *didefrag* dan klik **[OK]**.
- b. Proses *defrag* akan dilakukan, tekan butang **[Show Details]** untuk melihat keseluruhan proses *defrag*.



## BACK-UP DATA

### Kenapa data memerlukan back-up?

Tujuan back-up ialah untuk membuat salinan data dan disimpan berasingan daripada data asal. *Back-up* data adalah penting di dalam penyelenggaraan PC kerana ia dapat mengelakkan kerumitan/masalah pada sesebuah PC. Setiap PC mempunyai kecenderungan untuk mengalami masalah seperti serangan *VIRUS*. Masalah ini akan menjadi lebih serius sekiranya virus menyerang data di dalam *hard disk* dan menyebabkan data di dalamnya rosak atau hilang. Kegagalan sistem pengoperasian dan perisian berfungsi seperti asal adalah antara masalah yang timbul semasa mendapatkan semula data yang hilang atau rosak.

Secara amnya pengguna PC di rumah mungkin hanya membuat *back-up* pada data yang penting apabila terdapat perubahan dan membuat *full back-up* seminggu sekali atau sebulan sekali. Namun, situasi berbeza bagi penggunaan PC di pejabat yang memerlukan *back-up* yang lebih kerap.

Peraturannya, sekiranya data penting berubah setiap hari maka *back-up* perlu dilakukan setiap hari. Bagi data yang berubah secara mingguan, maka *back-up* perlu dilakukan setiap minggu dan sebaliknya.


Alat Back-Up	Media Back-up
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Floppy Disk</li> <li>• CD Writer</li> <li>• Zip Drive</li> <li>• USB Port</li> <li>• Autoloader/ Back-up drive</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Floppy Disk</li> <li>• Cd R- / Cd RW</li> <li>• Zip Disk</li> <li>• Thumb / Pen Drive</li> <li>• Tape</li> </ul>

### Pakej Perisian untuk Back-up

Terdapat pelbagai jenis pakej perisian *backup* di pasaran dengan harga yang berbeza-beza bergantung kepada kelebihan masing-masing. Antara kelebihan menggunakan pakej perisian ialah, ianya mudah dan dapat melakukan *back-up* terhadap keseluruhan PC termasuk sistem pengoperasian. Oleh itu jika terdapat masalah PC, ia dapat diselamatkan dengan cepat dan kembali seperti asal.

## SURGE PROTECTOR

Tenaga elektrik yang dibekalkan ke komputer kita di Malaysia ialah 240V 50Hz. Kebanyakan peralatan di rumah seperti TV atau peti sejuk tidak mengalami masalah jika kuasa tenaga naik atau turun sedikit tetapi jika ianya terjadi kepada komputer berulang kali, ianya boleh menyebabkan kerosakan kepada bahagian tertentu di dalam sesebuah komputer seperti *power supply*, *hard disk* dan juga *CPU*.



**UPS** adalah *Uninterruptable Power Supply*. UPS mempunyai kelebihan membekalkan tenaga kepada peralatan walaupun tanpa tenaga elektrik, namun begitu tempoh masa ianya boleh membekalkan tenaga elektrik bergantung kepada bateri UPS. Kebanyakan UPS mempunyai AVR, tetapi AVR tidak mempunyai keupayaan seperti UPS.

AVR membantu membersihkan tenaga elektrik dari *Surge*, *Spike* dan *Sag*

- *Surge & Spike* adalah keadaan di mana tenaga elektrik yang dibekalkan adalah lebih daripada yang sepatutnya. *Surge* - lebih tenaga berlaku lebih dari 3 nanosaat, manakala *Spike* - lebih tenaga berlaku kurang dari 2 nanosaat.
- *Sag* adalah keadaan di mana tenaga elektrik yang dibekalkan adalah kurang daripada yang sepatutnya.

Kita boleh andaikan tenaga elektrik seperti air. Bagi mesin yang memerlukan bekalan air secara terus menerus, mesin tidak akan berfungsi jika tekanan air rendah; dan paip akan pecah jika tekanan air terlalu tinggi dan mesin tidak dapat berfungsi jika tiada bekalan air. AVR hanya mengawal tekanan atau memastikan bekalan elektrik sentiasa di dalam tahap yang tertentu yang tidak memudaratkan PC. Oleh itu UPS diperlukan.

### - Standby-UPS

Membekalkan tenaga daripada bateri apabila bekalan elektrik terputus. Pertukaran ini mengambil masa beberapa milisaat. Oleh kerana terdapat jarak masa ketika bekalan terputus, sesetengah PC atau perisian yang sensitif akan terganggu.

### - Continuous UPS

Tenaga elektrik akan dialirkan terus setiap masa kepada bateri dan tenaga daripada bateri akan dialirkan kepada *Power Inverter* setiap masa. Jadi apabila bekalan elektrik terputus gangguan elektrik tidak akan berlaku.

## MASALAH VIRUS

**Virus** begitu mudah merebak melalui beberapa kaedah seperti melalui rangkaian terutamanya melalui email, laman-laman web dan perkongsian fail. Pengguna mesti sentiasa berhati-hati semasa membuka email dari sumber-sumber yang tidak dikenalpasti keselamatannya atau semasa melayari internet. Virus akan menyebabkan pemprosesan PC anda akan terganggu atau mengalami kerosakan pada komponen seperti *hard disk*.

Apa yang boleh anda lakukan untuk mencegah komputer anda dari dijangkiti virus adalah dengan memastikan perisian antivirus dipasang pada PC anda, mengetahui paten antivirus sentiasa terkini (biasanya kemaskini dibuat semasa anda *log-in* ke PC setiap hari).

**Beringat sebelum komputer anda terkena virus... Mencegah lebih baik dari merawat!!!**

**Penyelenggaraan** boleh dibahagikan kepada dua, iaitu *hardware* dan *software*. Asas penyelenggaraan untuk *software* adalah:-

- Padamkan (delete) fail yang tidak perlukan. Fail-fail ini termasuklah fail-fail yang berakhir dengan *.chk*, fail-fail *log*, fail-fail yang digunakan sementara (fail-fail *temporary*) seperti *.tmp*.
- Padamkan juga *cookies* atau *history* (di dalam browser sama ada *internet explorer* atau *netscape navigator*) dan keluarkan (*uninstall*) program yang tidak digunakan lagi. Cara untuk *uninstall* ini hendaklah menggunakan kaedah yang betul. Sekiranya program berkenaan mempunyai menu *uninstall*, gunakan kaedah berkenaan. Sekiranya tiada menu *uninstall*, klik pada menu *START - SETTINGS - CONTROL PANEL - ADD/REMOVE PROGRAMS* dan Pilih program yang ingin dikeluarkan.
- Langkah yang terakhir sekali ialah lakukan *scandisk* dan *defragmentation* pada *hard disk*.


Begitulah langkah-langkah yang harus dilakukan untuk menjaga PC berada dalam keadaan baik.

## PENJAGAAN PAPAN KEKUNCI

Papan kekunci merupakan komponen PC yang paling mudah mengalami kekotoran dan ia perlu dibersihkan. Peralatan seperti kain lembut, kain kering/bulu ayam, cecair pembersih yang sesuai perlu disediakan.

### Langkah-langkah membersihkan papan kekunci (asas)

1. Shutdown PC dan cabutkan plug dari punca bekalan elektrik.
2. Cabutkan sambungan papan kekunci dari PC.
3. Terbalikkan papan kekunci supaya cebisan kotoran yang terdapat di celah-celah butang kekunci dapat dikeluarkan.
4. Penyedut hampagas juga boleh digunakan untuk membersihkan kotoran di celahan butang kekunci.
5. Titiskan beberapa titik cecair pembersih pada kapas dan bersihkan bahagian permukaan tepi butang kekunci. (fig 1.1)
6. Basahkan kain lembut dengan cecair pembersih dan gunakan untuk mengelap bahagian permukaan papan kekunci. (fig 1.2)
7. Lapkan dengan kain kering atau bulu ayam.



## DIARI KURSUS BNPK SEPANJANG SEPTEMBER - NOVEMBER 2004

### SEPTEMBER

A	I	S	R	K	J	S
			1	2	3	4
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30		

### OKTOBER

A	I	S	R	K	J	S
31					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

### NOVEMBER

A	I	S	R	K	J	S
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30				

- Kursus Java Advanced Programming (SIADA)
- Lotus Notes (BPPK)
- Latihan Pemasangan & Penyelenggaraan (SIADA)
- Kursus Powerpoint (BPPK)
- Kursus Neofission Basic
- Kursus Microsoft Access (MKD)
- Penggunaan PC Latihan Untuk Bajet 2005
- Latihan Postgres

Semua Kursus adalah : i) Terbuka kepada semua bahagian di Perbendaharaan.

- Diadakan di Bilik Latihan STM, Tingkat 7 Selatan, Perbendaharaan Malaysia, Kompleks Kementerian Kewangan.
- Bagi tahun 2005, kursus-kursus akan dijadualkan dan akan dimaklumkan kemudian.

## TEKA SILANG KATA

			1		4				
	3	E							
					S			6	
	2					5	10		L
							U		
8	9						7		

### Soalan Menegak:

1. Alat yang menggunakan bebola
4. Memberhentikan sementara sesuatu proses dalam komputer.
6. Alat *back-up*
9. Singkatan bagi komputer peribadi
10. .... Voltage Regulator (AVR)

### Soalan Melintang:

2. Masalah PC yang ditakuti
3. Proses menyusun semula data
5. Salah satu kaedah penyebaran virus
7. Extension untuk temporary file
8. Alat untuk membekalkan tenaga kepada peralatan tanpa tenaga elektrik

JAWAPAN:

1. Tetikus
2. Virus
3. DefragEmail
4. Paus6-Floppy
5. UPS
6. Back-up
7. tmp
8. UPS
9. PC
10. Automatic

### PENAUNG

En. R. Segarajah

### PENASIHAT

Dr. Azizah bt. Arifin

### KETUA EDITOR

Pn. Nor'aini bt. Abd. Razak  
En. Zakaria b. Deraman

### SIDANG EDITOR

Pn. Zuraidah bt. Abdul Rahman  
Pn. Ruhana bt. Abd. Rahman  
En. Zulkifli b. Ahmad  
Cik Wan Amishah bt. Wan Mahmud  
Cik Rozaini bt. Othman

Y.M Cik Raja Liana bt. Raja Yacob  
Pn. Azian Fatilah bt. Mia  
En. Mohd Nizam b. Jamaluddin  
En. Ahmad Zaki b. Haman Afandi  
En. Zaidi b. Omar

### REKABENTUK

Pn. Rose Dalalin bt. Taha  
Pn. Hamiza Shafina bt. Hisham  
En. Bahrizal Baharudin (Praktikal)

### PERCETAKAN

En. Ibrahim b. Ismail  
En. Mohd Fakhru Zaman Tahar